

KENYATAAN TENDER

Projek **TRANSIT ALIRAN RINGAN LALUAN 3 (LRT3) DARI BANDAR UTAMA KE JOHAN SETIA** adalah sejajar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) "Urban Rail Development Plan (URDP)" iaitu Pelan Utama Pengangkutan Awam Lembah Klang yang menghubungkan Koridor Barat dengan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui rangkaian rel yang sedia ada. Laluan LRT3 akan berfungsi sebagai sistem tulang belakang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang lebuh raya atau jalan-jalan ke arah Koridor Barat di Lembah Klang. Laluan LRT3 akan menyediakan kemudahan yang baik kepada penumpang, terutamanya bagi kawasan tempat kerja, komersial, kediaman, pusat pendidikan dan rekreasi. Laluan LRT3 akan melalui koridor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan memberi tumpuan kepada kawasan persekitaran sedia ada yang kurang atau tidak mempunyai liputan perkhidmatan pengangkutan awam yang telah dikenal pasti dalam SPAD URDP. Ia akan menyediakan dan meningkatkan perhubungan awam untuk keperluan masa hadapan dan pusat-pusat pertumbuhan di sepanjang koridor melalui rel, perkhidmatan bas dan pengendali berintergrasi untuk mewujudkan rangkaian masa depan termasuk Laluan Kelana Jaya, Laluan MRT SBK, KTM Komuter, Bas Pengantara dan lain-lain.

Kerajaan telah melantik **PRASARANA MALAYSIA BERHAD (46722-U)** ("Prasarana") sebagai Pemilik Projek LRT3 dan **MRCB GEORGE KENT SDN BHD** sebagai Project Delivery Partner ("PDP") yang bertanggungjawab untuk melaksana dan menyiapkan sepenuhnya sistem Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) yang dikenali sebagai "**TRANSIT ALIRAN RINGAN LALUAN 3 (LRT3) DARI BANDAR UTAMA KE JOHAN SETIA**".

Prasarana ingin mempelawa para **KONTRAKTOR TEMPATAN SAHAJA** untuk mengambil bahagian dalam tender seperti di bawah:-

TAJUK TENDER & NOMBOR TENDER	SYARAT-SYARAT TENDER	TAKLIMAT TENDER
<p>ADVANCE WORKS PACKAGE - DESIGN AND BUILD OF INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF GAS PIPES RELOCATION WORKS FOR LIGHT RAIL TRANSIT LINE 3 (LRT 3) FROM BANDAR UTAMA - JOHAN SETIA</p> <p>TENDER NO : PRASARANA/GPD/LRT3(E)/025/746/2016</p>	<p>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Gred : G6 dan ke atas Pengkhusuan Kategori : CE 09</p> <p>dan</p> <p>Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p> <p>dan</p> <p>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>dan</p> <p>Berdaftar dengan Gas Malaysia Berhad (GMB)</p> <p>dan</p> <p>Berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST)</p>	<p>Tarikh : 29 December 2016 (Khamis)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat : Conference Room, RapidKL Office, Ground Floor, No.1, Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301, Petaling Jaya, Selangor.</p> <p>Kehadiran di Taklimat tender dan lawatan tapak adalah WAJIB.</p> <p>Pemohon perlu mendaftar pada pukul 9.00 pagi - 10.00 pagi. Hanya 2 wakil daripada setiap pemohon dibenarkan hadir.</p> <p>Wakil dari pemohon yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

TARIKH, MASA & TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER	TARIKH, MASA & TEMPAT PENYERAHAN DOKUMEN TENDER
<p>Dari 29hb December 2016 hingga 12hb Januari 2017 Isnin hingga Khamis : 9.00 pagi - 12.30 tengah hari dan 2.00 petang - 5.00 petang Jumaat : 9.00 pagi - 12.00 tengah hari dan 3.00 petang - 5.00 petang Pejabat ditutup pada Hari Cuti Awam, Sabtu dan Ahad Tel : 03 - 7650 7788 ext 1430/1415/1883/1400</p> <p>Jabatan Perolehan Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad Tingkat 1, No. 1, Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301, Petaling Jaya, Selangor.</p>	<p>26hb Januari 2017 (Khamis) 9.00 pagi - 5.00 petang</p> <p>Jabatan Perolehan Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad Tingkat 1, No. 1, Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301, Petaling Jaya, Selangor.</p>

Pembelian dokumen tender hendaklah disertakan dengan "**Bank Draft**" atau "**Banker's Cheque**" berjumlah **RM 2,700.00** (termasuk 6% GST) di atas nama **Prasarana Malaysia Berhad** dan tidak akan dikembalikan.

Selain dari syarat-syarat di atas, Pemohon **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI

Pemohon perlu mempunyai seorang Jurutera Bertauliah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk pemasangan saluran paip gas dan berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun.

Nota:

- Tender ini mempelawa **KONTRAKTOR TEMPATAN SAHAJA** yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan dibawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual diatas. Pendaftaran mestilah masih sah untuk Tender dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
- Dokumen tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan pada jadual di atas. **Dokumen tender hanya dijual kepada pemohon yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.**
- Semua Pemohon mestilah mematuhi keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Prasarana Malaysia Berhad **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan / atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, **Surat Pengesahan sebagai wakil** untuk pembelian Dokumen Tender **WAJIB** dikemukakan oleh wakil pemohon dengan dokumen pendaftaran berkenaan yang '**ASAL**' dan '**SALINAN YANG DISAHKAN**' oleh **Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan kumpulan A**.
- Selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia (Ruj. (44) dlm JKMP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005) adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Persuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan difakskan ke talian **03-7625 6664** atau e-mail ke **procurement.lrt3@prasarana.com.my**. Maklumat lanjut mengenai LRT3 boleh dilayari di laman web kami di **www.lrt3.com.my** atau **www.myrapid.com.my**.
- Prasarana berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana permohonan serta membatalkan proses tender ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab dan tanpa menanggung sebarang liabiliti daripada semua segi terhadap pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.